

| | | | |
|--------------------|--------------------------------------|--------------------------|-------------------------|
| Publication | Harian Metro | Section /Page No. | Setempat/ Pg. 10 |
| Date | Fri, 22nd Apr 2016 | Lead Article | Yes |
| Headline | 20 Kementerian Capai KPI 100% | | |

20 kementerian capai KPI 100%

■ Program PEB catat pencapaian memberangsangkan

Mohd Husni Mohd Noor
mhusni@hmetro.com.my

Putrajaya

Sebanyak 20 kementerian mencapai Petunjuk Prestasi Utama (KPI) 100 peratus bagi program Pemeraksanaan Ekonomi Bumiputera (PEB) yang ditetapkan kerajaan sepanjang tahun lalu.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak berkata, pencapaian itu adalah sesuatu memberangsangkan bagi kerajaan dan Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB).

Beliau berkata, secara purata, semua 25 kementerian termasuk Jabatan Perdana Menteri (JPM) mencapai sekurang-kurangnya 80 peratus KPI yang ditetapkan tahun lalu.

“Penetapan KPI adalah penting bagi memastikan Agenda PEB dilaksanakan secara sistematik dan berkesan.

“Malah, pelaksanaannya yang merentasi kementerian dilihat selari dengan usaha kerajaan untuk membangunkan negara,” katanya ketika berucap selepas mempengerusikan Mesyua-

rat MEB di sini semalam.

Hadir sama Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Katanya, antara pencapaian utama KPI PEB tahun lalu ialah peningkatan jumlah syarikat vendor dan induk bagi Program Pembangunan Vendor kepada 90 syarikat tahun lalu berbanding hanya 68 syarikat pada 2014.

Najib berkata, pencapaian lain termasuk peningkatan nilai aset dan pemilikan hartanah di kawasan strategik oleh usahawan Bumiputera menerusi Skim Penyewaan dan Pemilikan Hartanah (SPPH) di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Penggunaan (KPDNKK).

“Selain itu, sebanyak RM1.4 bilion nilai kontrak diberikan kepada kontraktor Bumiputera bagi projek jalur lebar berkelayan tinggi dan program pemindahan teknologi kepada Bumiputera dengan nilai kontrak sekurang-kurangnya RM120.8 juta melibatkan penjenamaan nilai pasaran mencecah RM2.3 bilion,” katanya.

Dalam pada itu, Najib berkata, sebanyak 93

KPI ditetapkan bagi 25 kementerian dan JPM tahun ini di mana penetapan itu dilihat mempunyai impak yang tinggi serta sasaran lebih tinggi berbanding 2015.

“Antara KPI ditetapkan ialah mencapai 50.6 peratus nilai kontrak Bumiputera berbanding

keseluruhan kos projek landasan transit aliran massa (MRT) 1 dan mencapai 25 peratus nilai kontrak berbanding keseluruhan kos pembinaan projek Merdeka PNB 118 Menara Warisan Merdeka.

“Selain itu, KPI turut ditetapkan bagi mencapai 30 peratus agihan kepada kontraktor Bumiputera dalam projek pembinaan lebuhraya utama seperti Lebuhraya Pantai Barat (WCE); Lebuhraya Duta-Hulu Kelang (DUKE) 2; Lebuhraya Lembah Klang Timur (EKVE) dan Lebuhraya Sungai Besi-Hulu Klang (SUKKE),” katanya.

